

RASISME MENURUT PANDANGAN HAJI ABDUL MALIK KARIM AMRULLAH (1908-1982)

Abur Hamdi Usman

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
aburhamdi@kuis.edu.my

Mohd Mahfuz Jaafar

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mohdmahfuz@kuis.edu.my

ABSTRAK

Rasisme merupakan satu kepercayaan yang menganggap bangsa sendiri lebih mulia, lebih beradab, maju, cerdik dan berakhlak tinggi daripada kaum lain. Dalam ajaran Islam tidak dikenali konsep perpecahan umat atau manusia berdasarkan kaum, jantina, warna kulit, darjat dan keturunan. Namun begitu, mutakhir ini seseorang dengan mudah dan secara jahil menggunakan istilah-istilah tertentu yang tidak benar untuk menunjukkan bahawa mereka adalah 'kaum pilihan' yang dipilih oleh Tuhan sebagai kaum yang terhormat berbanding dengan selainnya. Justeru itu, artikel ini mengulas berkaitan isu rasisme dengan merujuk kepada ulasan mufasir tersohor Nusantara, HAMKA dalam karyanya *Tafsir al-Azhar*. Dengan menggunakan analisis dokumen kajian ini mendapati bahawa HAMKA amat menekankan tentang konsep perpaduan kaum kerana hakikatnya manusia adalah berasal daripada keturunan yang satu. Tiada perbezaan di antara yang satu dengan selainnya melainkan takwa. Malahan tidak perlu mengungkit perbezaan tetapi kekal menginsafi adanya persamaan keturunan.

Kata Kunci: *Rasisme, HAMKA, Kafir, Akhlak, Tafsir, Indonesia*

Pendahuluan

Fahaman rasisme tidak sesuai dengan fitrah semula jadi manusia. Perbuatan menghina dan mengaibkan orang lain hanya kerana perbezaan etnik, warna kulit, bahasa ataupun kebangsaan. Isu perkauman didapati masih wujud di beberapa tempat di dunia bahkan di negara ini dan tentunya perkara sebegini amat membimbangkan. Walhal, ajaran agama Islam yang murni telah menghapuskan dan menegah perkara ini daripada berlaku ke atas umat manusia. Setiap individu mempunyai kedudukan yang setaraf dan tidak boleh dibezakan, dek kerana perbezaan suku dan puak semata.

Rujukan kukuh berkaitan ini dengan memetik iktibar daripada Bilal ibn Rabah RA, sahabat Rasulullah SAW yang mulia dan muazin pertama dalam Islam. Meskipun berlatarbelakang seorang hamba abdi, tetapi kedudukan beliau begitu tinggi dalam kalangan para sahabat. Sepanjang hayatnya beliau diakui sebagai seorang yang patuh dan rajin terhadap tanggungjawab, ikhlas, amanah, berani, tabah, dan sanggup menghadapi risiko demi mempertahankan kebenaran. Wajar jika individu berkulit hitam ini telah dipersaksikan oleh

Rasulullah SAW sebagai salah seorang penghuni Syurga, sebagaimana disebutkan dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِبِلَالٍ عِنْدَ صَلَاةِ الْعَدَاةِ يَا بِلَالُ : حَدِّثْنِي بِأَرْجَى عَمَلٍ عَمِلْتَهُ عِنْدَكَ فِي الْإِسْلَامِ مَنْفَعَةً ، فَإِنِّي سَمِعْتُ اللَّيْلَةَ حَشَفَ نَعْلَيْكَ بَيْنَ يَدَيَّ فِي الْجَنَّةِ ، قَالَ بِلَالُ : مَا عَمِلْتُ عَمَلًا فِي الْإِسْلَامِ أَرْجَى عِنْدِي مَنْفَعَةً مِنْ أَيِّ لَأِ أَتَطَهَّرُ طَهُورًا تَامًّا فِي سَاعَةٍ مِنْ لَيْلٍ وَلَا نَهَارٍ ، إِلَّا صَلَّيْتُ بِذَلِكَ الطُّهُورِ مَا كَتَبَ اللَّهُ لِي أَنْ أُصَلِّيَ .

Maksudnya:

“Rasulullah SAW bersabda kepada Bilal setelah menunaikan solat subuh: ‘Wahai Bilal, beritahukanlah kepadaku tentang amalan perbuatanmu yang paling engkau harapkan manfaatnya dalam Islam! Kerana sesungguhnya semalam aku mendengar suara terompahmu di hadapanku di Syurga. Bilal RA menjawab: ‘Tidak ada satu perbuatan pun yang pernah aku lakukan, yang lebih kuharapkan manfaatnya dalam Islam daripada perbuatanku yang senantiasa bersuci dengan sempurna di waktu siang ataupun malam lalu aku menunaikan solat dalam keadaan suci sebagaimana diwajibkan kepada aku untuk bersolat’.

(Muslim, *Kitab Fada'il al-Sahabah, Bab min fada'il Bilal ibn Rabah RA*, nombor hadis 4504)

HAMKA: Sketsa Kehidupan Mufasir Nusantara

HAMKA merupakan tokoh pentafsir yang terkenal di Alam Melayu Nusantara, khususnya di Indonesia. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai seorang ulama bahkan sasterawan, sejarawan dan pujangga Islam. Penghasilan karya *Tafsir al-Azhar* di usia senja menaikkan lagi nama beliau di mata umat Islam. HAMKA adalah singkatan kepada nama asal, iaitu Haji Abdul Malik Karim Amrullah. Nama tersebut diberikan oleh ayahnya sempena nama anak lelaki gurunya; Syeikh Ahmad Khatib di Mekah. Proses penyingkatan nama ini adalah disebabkan oleh aktiviti beliau dalam bidang penulisan yang bertujuan untuk memudahkan masyarakat mengenalinya.

HAMKA dilahirkan pada malam Isnin tanggal 14 Muharam 1326 H. bersamaan 17 Februari 1908 di Kampung Tanah Sirah, Negeri Sungai Batang Maninjau, Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia. Ketokohan sebagai seorang ulama diwarisi daripada ayah beliau yang merupakan tokoh pelopor gerakan Islam *Kaum Muda* di Minangkabau bermula pada tahun 1906. Ayahnya terkenal dengan gelaran *Haji Rasul* di waktu mudanya yang tegas menentang ajaran *Rabitah*, iaitu satu sistem yang dilalui oleh penganut-penganut tarekat apabila mereka hendak mengerjakan suluk (HAMKA, 1966: 2). Beliau pernah diasingkan oleh Belanda ke Sukabumi disebabkan fatwa-fatwa yang dianggap mengganggu keamanan dan keselamatan umum. Namun begitu, Haji Abdul Karim Amrullah wafat pada 21 Jun 1945 di Jakarta, iaitu dua bulan sebelum tarikh pengisytiharan kemerdekaan Indonesia diumumkan (Tajuddin Saman, 1993: 65).

Pada 12 Ramadhan 1383 bersamaan 27 Januari 1964, semasa HAMKA sedang menyampaikan kuliah di masjid al-Azhar, beliau telah ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara oleh penguasa Orde Lama, pemerintahan Sukarno. Dengan itu, bermulalah kehidupan HAMKA sebagai tahanan politik dan penulis sepenuh masa terhadap penulisan tafsir yang telah dimulakan sebelum ini. Dengan itu, beliau telah mengambil kesempatan untuk menulis kitab tafsirnya sepanjang beliau berada di dalam tahanan. Setelah kejatuhan Orde Lama dan tampuk

pemerintahan beralih kepada kepimpinan Soeharto, HAMKA dibebaskan dari tuduhan pada 21 Januari 1966 selepas lebih 2 tahun merengkok dalam tahanan penjara selain pernah menjadi tahanan rumah selama 2 bulan dan tahanan kota juga selama 2 bulan (M. Yunan Yusof 1990: 55).

Kitab *Tafsir al-Azhar* merupakan hasil karya HAMKA yang memperlihatkan keluasan ilmu pengetahuan beliau, hampir mencakupi dan meliputi semua disiplin ilmu yang penuh berinformasi. Ia berasal dari siri kuliah subuh yang disampaikan oleh HAMKA di Masjid al-Azhar yang terletak di Kebayoran Baru, Jakarta sejak tahun 1959 (M. Yunan Yusof, 1990: 53). Nama al-Azhar bagi Masjid tersebut telah diberikan oleh Syeikh Mahmud Syaltut, Mantan Rektor Universiti al-Azhar semasa kunjungan beliau ke Indonesia pada Disember 1960 dengan harapan ianya akan menjadi al-Azhar di Jakarta. Penamaan tafsir HAMKA dengan nama *Tafsir al-Azhar* adalah bersempena dengan tempat lahirnya tafsir tersebut iaitu daripada Masjid Agung al-Azhar (HAMKA 1966: 43- 45).

Tafsir ini dihasilkan untuk memenuhi keperluan umat Islam Indonesia yang amat berminat untuk memahami isi kandungan al-Quran, namun tidak menguasai ilmu bahasa Arab. Selain itu, ia juga untuk membantu para pendakwah yang mempunyai kemampuan bertutur bahasa Arab, tetapi belum memiliki keluasan keilmuan dalam menyampaikan dakwah (HAMKA, 1984: 1: 4). Kehadiran *Tafsir al-Azhar* ini tentunya menambah kekayaan khazanah intelektual Islam dalam bidang tafsir pada umumnya juga kitab-kitab tafsir yang ditulis oleh mufasir Indonesia pada khususnya.

Rasisme: Etimologi dan Terminologi

Manusia diciptakan dengan pelbagai suku dan puak agar saling mengenali. Justeru yang membezakan antara satu dengan yang lain ialah ketakwaan. Faktor inilah yang ditegaskan oleh Allah SWT bahawa yang paling mulia di sisiNya adalah yang paling bertakwa dalam melaksanakan perintah dan menjauhi laranganNya. Bukannya yang paling banyak rumahnya ataupun yang paling ramai ahli keluarganya (al-Tabari, 2011/22: 310).

Secara etimologi rasisme ataupun rasialisme bermaksud perkauman, yakni layanan berat sebelah atau sikap bermusuhan terhadap seseorang berasaskan keturunan bangsanya, misalnya satu kaum mendapat layanan yang lebih istimewa daripada kaum yg lain. Perkataan ini turut memberikan fahaman yang menekankan bahawa suku kaum sendiri sahaja yang paling unggul (Noresah Baharom, *et. al.*, 2005:1292). Dengan begitu, rasisme ialah gabungan prejudis dan kuasa yang diartikulasi melalui diskriminasi berasaskan warna kulit dan ciri-ciri fizikal biologikal.

Dari sudut terminologi, rasisme adalah satu doktrin atau kepercayaan bahawa sesuatu kelompok lebih hebat berbanding kelompok yang lain berdasarkan faktor etnik (Ali, 2017). Kepercayaan ini seterusnya melahirkan konsep inferioriti dan superioriti ras; di mana orang kulit putih menganggap diri mereka lebih superior atau 'lebih baik' daripada kaum-kaum lain khususnya kaum kulit hitam. Apa yang membimbangkan adalah rasisme mampu menjadi satu kegiatan yang melibatkan keganasan, diskriminasi, pemisahan dan tindakan negatif lain terhadap sesuatu kelompok kaum. Ia juga mungkin wujud secara individu dan institusi (Hanim, 2012). Pada peringkat individu, rasisme wujud dalam bentuk kepercayaan dan sikap individu. Rasisme tahap institusi melibatkan dasar dan pelaksanaan yang bersifat diskriminasi, seterusnya membentuk ketidaksamaan bagi masyarakat daripada ras yang berbeza. Pada tahap institusi rasisme ia dapat dilihat secara tersirat dalam struktur sosial. Malangnya, kewujudan kaum yang mendiskriminasi, dan mempunyai penilaian negatif terhadap kaum yang lain ini, sebahagian

daripada mereka (biasanya, walaupun tidak selalu) tidak menganggap diri sendiri berideologi rasis (Miles, 2004).

Dari titik ini, Islam menegah secara keras apa jua bentuk ketaksuban yang tidak dipandu oleh panduan al-Quran dan hadis. Islam mencela mana-mana pandangan, pemikiran atau kepercayaan negatif oleh sesuatu kelompok sosial atau para anggotanya terhadap sesuatu kelompok lain berdasarkan perbezaan wajah fizikal-biologikal atau ras semata-mata dan ditunjukkan secara terbuka melalui perilaku atau tindakan terbuka. Justeru itu, Rasulullah SAW menasihati sahabatnya, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Jabir ibn ‘Abdillah RA:

عن جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ كُنَّا فِي غَزَاةٍ قَالَ سُمِّيَانُ يَرُونَ أَنَّهَا غَزْوَةُ بَنِي الْمُصْطَلِقِ فَكَسَعَ رَجُلٌ مِنْ
الْمُهَاجِرِينَ رَجُلًا مِنْ الْأَنْصَارِ فَقَالَ الْمُهَاجِرِيُّ يَا لِمُهَاجِرِينَ وَقَالَ الْأَنْصَارِيُّ يَا لِمَنْصَارٍ فَسَمِعَ ذَلِكَ
النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مَا بَأْسَ دَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ قَالُوا رَجُلٌ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ كَسَعَ رَجُلًا مِنَ
الْأَنْصَارِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعْوَاهَا فَإِنَّهَا مُنْتَبَةٌ ...

[al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi, Kitab Tafsir al-Quran, Bab wa min surah al-Munafiqin*, hadis nombor 3315, hasan sahih]

Maksudnya:

Kami berada dalam suatu peperangan. Sufyan berkata; seingat mereka, perang tersebut adalah perang Bani Al-Mushtaliq, kemudian seorang lelaki Muhajirin memukul punggung seorang lelaki dari kalangan Ansar. Orang Muhajir tersebut berkata; Wahai orang-orang Muhajirin, dan orang-orang Ansar berkata; Wahai orang-orang Ansar. Kemudian Nabi SAW mendengar hal tersebut lalu berkata: "Mengapa masih dilestarikan seruan jahiliyah?" Mereka berkata; Sesungguhnya terdapat seorang lelaki dari kalangan Muhajirin memukul punggung seorang lelaki dari kalangan Ansar. Kemudian Rasulullah SAW berkata: "Tinggalkan perkara itu, kerana hal itu adalah busuk." ...

Secara ringkas, rasisme yang berlaku dalam bentuk kepercayaan adalah tahap individu di mana wujudnya ras tertentu yang berstatus lebih tinggi dan ras yang berstatus lebih rendah.

Rasisme: Wacana Intelektual HAMKA

Isu rasisme memang tidak dapat dielakkan apabila terdapat golongan atau kumpulan manusia yang mempunyai beberapa ciri kesamaan seperti biologi atau budaya cuba mempertahankan golongan masing-masing dan pada masa yang sama menindas kaum lain. Sifat perkauman jika dibiarkan berterusan boleh mengancam kestabilan politik dan keamanan negara. Malaysia juga pernah mengalami peristiwa berdarah akibat dari rusuhan kaum dalam peristiwa 13 Mei 1969, sehinggakan keadaan darurat terpaksa diisytiharkan di seluruh negara. Konflik ras juga boleh mengakibatkan pengasingan kumpulan-kumpulan tertentu dari segi pelajaran, perumahan dan pekerjaan. Rasisme juga boleh mengakibatkan keganasan dan pembunuhan secara besar-besaran seperti yang telah berlaku ke atas kaum Yahudi di Jerman semasa pemerintahan Hitler. Bagi membendung perkara ini, Rasulullah SAW telah memperingatkan dalam sabdanya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : ” قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ” اثْنَتَانِ فِي النَّاسِ هُمَا يَجْمَعُ كُفْرَ الطَّعْنِ فِي النَّسَبِ وَالنِّيَاحَةَ عَلَى الْمَيِّتِ “ .“

[Muslim, *Kitāb al-Īmān, Bāb Iṭlāq ism al-kufr ‘alā al-ṭa‘n fī al-nasab wa al-niyāḥah*, No. 67]

Maksudnya:

Daripada [Abū Hurairah] RA berkata: “Rasulullah SAW bersabda: “Dua pekerjaan menyebabkan kekafiran, merendahkan keturunan orang lain dan menjerit-jerit meratapi mayat”.”

Merendahkan keturunan orang lain yang dimaksudkan adalah merendahkan nasab orang dan mengaibkan nasab mereka dengan motif meremehkan dan mencela. Imam al-Nawawī Rahimahullah (1996, 1: 243) menjelaskan maksud hadis ini dengan menyebutkan beberapa pendapat, dan di antara pendapat yang paling sahih adalah kedua-duanya (merendahkan keturunan orang lain dan menjerit-jerit meratapi mayat) bermaksud dua daripada tindakan orang-orang kafir dan amalan orang jahil. Pendapat kedua ialah perkara itu membawa kepada kekufuran. Pendapat ketiga iaitu kufur rahmat dan kebajikan/ihsan. Dan yang keempat adalah hadis ini berlaku bagi orang yang menghalalkan kedua-dua perbuatan tersebut. Pada hadis ini tegasnya larangan dalam merendahkan keturunan dan meraung meratapi jenazah. Dan setiap bagi kedua-dua perkara ini telah dinyatakan dalilnya dalam dalil yang masyhur. Selain daripada itu, perkataan kufur yang dimaksudkan adalah *kufr dūna kufur* ataupun kufur yang tidak mengeluarkan pelakunya daripada Islam. Ini bererti, ianya bukan kufur dalam pengertian mutlak sebagaimana definisi yang sudah dikenali dan diketahui ramai.

Sehubungan dengan hadis ini, satu perkara yang perlu dimurnikan, memandangkan ianya sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat Islam pada zaman sekarang, iaitu bersikap rasisme dengan cara menghina ataupun merendahkan jalur keturunan orang lain, seperti perkataan “Budak Indon”, “Bangla betul la”, “India peria”, dan sebagainya. Namun begitu, jika sekiranya pernyataan ini dengan tujuan untuk memberikan penjelasan, contohnya, si fulan daripada suku Bugis memiliki ciri-ciri dan sifat sedemikian, atau dia dari Indonesia atau dari Bangladesh dan sebagainya. Dengan tujuan menghuraikan sifat-sifat mereka tanpa bermaksud mencela, maka yang demikian tidak termasuk mencela nasab. Berkaitan dengan hal ini, perlu diambil perhatian akan firman Allah SWT dalam surah *al-Hujurat* ayat 13 yang mengiktiraf persamaan darjat setiap orang, melainkan paling mulia di sisiNya adalah orang yang bertakwa:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di

antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Abū al-Fidā' 'Imād al-Dīn Ismā'īl ibn 'Umar ibn Kathīr (701-774 H.) mufasir muktabar yang mengarang kitab *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm* telah menafsirkan perkataan (إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ) dengan (إِنَّمَا تَتَفَاوَسُونَ عِنْدَ اللَّهِ بِالتَّقْوَى لَا بِالْأَحْسَابِ) (أَنْتُمْ) dengan (أَنْتُمْ) yakni sesungguhnya umat manusia saling berlumba dalam hal kemuliaan di sisi Allah atas faktor ketakwaan dan bukannya kerana keturunan (Ibn Kathīr 2002: 386). Sehubungan dengan itu, Nabi SAW pernah berpesan kepada Abu Dhar RA:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ لَهُ : انْظُرْ ، فَإِنَّكَ لَيْسَ بِخَيْرٍ مِنْ أَحْمَرَ وَلَا أَسْوَدَ إِلَّا أَنْ تَفْضُلَهُ بِتَقْوَى .

[Ahmad, *Musnad al-'Asharah al-mubashshirin bi al-jannah, Musnad al-Ansar*, nombor hadis 208885]

Maksudnya:

Lihatlah, engkau tidaklah akan baik dari orang yang berkulit merah atau berkulit hitam sehingga engkau mengunggulinya dengan takwa."

HAMKA (1982/26: 244) mentafsiran ayat di atas dengan penegasannya bahawa seluruh manusia itu dijadikan pada mulanya dari seorang lelaki, iaitu Nabi Adam AS, dan seorang perempuan iaitu Siti Hawa. Kedua-duanya yang mula diciptakan dalam dunia ini. Bahawa segala manusia ini sejak dahulu sampai sekarang adalah terjadi daripada seorang laki-laki dan seorang perempuan, iaitu ibu. Maka tidaklah ada manusia di dalam alam ini yang tercipta kecuali daripada pencampuran antara lelaki dengan perempuan. Persetubuhan yang menimbulkan berkumpulnya dua kumpul mani (*khama*) menyatu selama 40 hari yang dinamakan *nuthfah*. Kemudian 40 hari pula lamanya menjadi darah, dan empat puluh hari pula lamanya menjadi daging (*'alaqah*). Setelah tiga kali empat puluh hari, *nuthfah*, *'alaqah* dan *mudhghah*, jadilah dia manusia yang ditiupkan nyawa kepadanya dan lahirlah dia ke dunia. Kadang-kadang terdapat pecampuran antara kulit hitam dengan kulit putih, atau bangsa Afrika dan Eropah yang di awal permulaan bersatunya mani itu, belum nampak perbezaan warna dan sifatnya.

HAMKA (1982/26: 244) seterusnya mentafsiran ayat "Dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)." Beliau menyatakan bahawa:

"Anak yang mulanya setumpuk mani yang berkumpul berpadu satu dalam satu keadaan belum nampak jelas warnanya tadi, menjadilah kemudian dia berwarna menurut keadaan iklim buminya, hawa udaranya, letak tanahnya, peredaran musimnya, sehingga berbagailah timbul warna wajah dan diri manusia dan berbagai pula bahasa yang mereka pakai, terpisah di atas bumi dalam keluasannya, hidup mencari kesukaannya, sehingga dia pun berpisah berpecah, dibawa untung masing-masing, berkelompok kereana dibawa oleh dorongan dan panggilan hidup, mencari tanah yang cocok dan sesuai, sehingga lama kelamaan

terhasil apa yang dinamai bangsa-bangsa dan kelompok yang lebih besar dan rata, dan bangsa-bangsa tadi terpecah pula menjadi berbagai suku dalam ukuran lebih kecil terperinci. Dan suku tadi terbagi pula kepada berbagai keluarga dalam ukuran lebih kecil, dan keluarga pun terperinci pula kepada berbagai rumah tangga, ibu bapa dan sebagainya. Di dalam ayat ditegaskan bahawa terjadi berbagai bangsa, berbagai suku sampai kepada perinciannya yang lebih kecil, bukanlah agar mereka bertambah lama bertambah jauh, melainkan supaya mereka kenal mengenal. Kenal mengenal dari mana asal usul, darimana pangkal nenek-moyang, darimana asal keturunan dahulu kala.”

Tafsiran HAMKA di atas menjelaskan manusia secara fitrah dijadikan Allah dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza dan semua mesti menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu sebagai satu lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku. Kepelbagaian dan perbezaan itu bukanlah faktor untuk berpecahbelah dan bermusuhan. Seharusnya kita perlu kenal-mengenal dan membantu antara satu sama lain agar kedamaian dan kemakmuran hidup bersama dapat dicapai. Kesimpulannya ialah bahawa manusia pada hakikatnya adalah dari asal keturunan yang satu. Meskipun telah jauh berpisah, namun di asal usul adalah satu. Tidaklah ada perbezaan di antara yang satu dengan yang lain dan tidaklah ada perlunya mengungkit perbezaan, melainkan menginsafi adanya persamaan keturunan (HAMKA, 1982/26: 245).

Pada frasa ayat “*Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu*” HAMKA (1982/26: 245) mentafsirkan bahawa kemuliaan sejati yang dianggap bernilai oleh Allah adalah kemuliaan hati, budi, perangai, dan ketaatan kepada Ilahi. Hal ini dikemukakan oleh Tuhan dalam ayatNya, untuk menghapus perasaan setengah manusia yang hendak menyatakan bahawa dirinya lebih daripada yang lain, bahawa dia keturunan bangsawan raja, orang lain adalah hamba.

Berdasarkan tafsiran HAMKA ini dapat difahami tentang tegahan untuk bermegah dan merasa bangga dengan asal keturunan yang ada. Adalah lebih baik ianya dihiasi dengan amalan kebaikan bagi mencantikkan dan mengelokkan nasab keturunan yang dimiliki. Segala perilaku, adab, etika, tatasusila, akhlak seseorang justeru mencerminkan sifat mulia yang menjadikan keturunannya dipandang tinggi, mulia dan amat berharga. Sesetengah pihak di kalangan masyarakat begitu megah dan bangga kerana berketurunan bangsawan, ulama, orang kaya, dan seumpamanya. Ketahuilah bahawa hakikat iman itu tidak dapat diwarisi, justeru berketurunan mulia di ketika ini belum tentu bermakna keturunan selepasnya juga mulia. Pada akhirnya HAMKA menutup tafsiran surah *al-Hujurat* ayat 13 dengan penegasannya:

Hujung ayat ini, kalau diperhatikan dengan seksama adalah jadi peringatan lebih dalam lagi bagi manusia yang silau matanya karena terpesona oleh urusan kebangsaan dan kesukuan, sehingga mereka lupa bahwa keduanya itu gunanya bukan untuk membanggakan suatu bangsa kepada bangsa lain, suatu suku kepada suku yang lain. Kita di dunia bukan buat bermusuhan, melainkan buat berkenalan. Dan hidup berbangsa-bangsa, bersuku-suku bisa saja menimbulkan permusuhan dan peperangan, karena orang telah lupa kepada nilai ketaqwaan. Di hujung ayat ini Tuhan menyatakan bahwa Tuhan Maha Mengetahui, bahawa bukan sedikit kebangsaan menimbulkan ‘ashabiyah jahiliyah, dan bangga kerana mementingkan bangsa sendiri, sebagai perkataan orang Jerman di kala Hitler

naik: “Duitschland ubber alles!” (Jerman di atas dari segala-galanya). Tuhan mengetahui bahawa semuanya itu palsu belaka, Tuhan mengenal bahwa setiap bangsa ada kelebihan sebanyak kekurangan, ada pujian sebanyak cacatnya. Islam telah menentukan langkah yang akan ditempuh dalam hidup; “Yang semulia-mulia kamu ialah barangsiapa yang paling taqwa kepada Allah.”

Dengan begitu, tiada sebab untuk seseorang ingin meninggi diri dan meletakkan keturunan itu lebih mulia dari keturunan orang lain. Terang lagi bersuluh bahawa perkara rasisme, riak dan bangga merupakan sifat terkutuk. Bukan diri sendiri yang perlu memuji keturunan, tiada keperluan untuk mengatakan keturunan sendiri lebih hebat daripada orang lain (walaupun benar dari keturunan hebat). Biar masyarakat yang menilai dan mengangkat, dan itu lebih baik dan lebih berharga. Sebaliknya semakin ramai orang memuji, sewajarnya semakin perlu untuk merendah diri. Justeru, umat Islam dituntut untuk meneladani Sunnah Baginda SAW, seorang pemimpin yang terlalu sempurna untuk diikuti dan dicontohi. Baginda tidak pernah angkuh dan sombong dengan martabat dan tarafnya di sisi Allah SWT. Tiada seorang pun dalam kalangan manusia yang boleh menandingi Baginda SAW dari sudut kemuliaan, keturunan ataupun amal ibadah. Baginda SAW adalah semulia-mulia manusia, di dunia dan akhirat, namun Baginda SAW tetap merendah diri, tidak bersikap rasis, membudayakan malu dan segan dengan Allah SWT.

Kesimpulan

Umat Islam bertanggungjawab menyampaikan ajaran Islam yang tepat dalam kalangan agama lain di dunia secara am dan di Malaysia secara khasnya. Muslim perlu mempunyai asas yang kukuh untuk menolak penfaisiran agama Islam yang cenderung bersifat rasisme yang sempit serta dilihat tidak selari dengan tuntutan nilai sebenar ajaran Islam. Dengan semangat yang sama, mereka berdukacita serta menolak sebarang sentimen serta prasangka berbau ras yang cuba dimainkan ke atas bangsa atau agama tertentu di negara ini. Amalan rasisme sekiranya tidak dihentikan akan membiakkan gejala ekstremisme yang merugikan semua pihak. Perjuangan membela bangsa dan agama seharusnya disemai ke arah mengukuhkan prinsip yang dituntut oleh Islam seperti keadilan sosial, amanah, integriti, perpaduan umat dan selari dengan tuntutan Maqasid Syariah. Umat Islam seharusnya menampilkan wajah dan citra hakiki Islam sebagai agama rahmat sejagat. Pengistilahan *islamic racism* adalah satu percubaan yang keji dalam usaha menghalalkan sifat perkauman atas justifikasi agama. Sepanjang sejarah, rantau Melayu telah melaksanakan amanah pencitraan ini dengan menampilkan wajah Islam yang ramah, santun dan peduli. Rekod sejarah toleransi yang unik rantau ini harus dilestarikan serta digembleng sebagai satu kekuatan pemersatu pelbagai ranah bangsa yang berbeza. Justeru sebagai bangsa yang bermaruah, umat Islam harus mengangkat prinsip kemuliaan insan yang dijamin Allah SWT ke atas seluruh anak Adam tanpa mengira bangsa dan agama. Menerusi pemahaman ke atas prinsip ini, seseorang akan dapat menghargai kewujudan bangsa lain sebagai manusia yang turut mempunyai maruah dan kemuliaan diri. Dengan begitu, HAMKA menekankan tentang kewajiban merendah diri dan bersabar. Hal ini disebabkan, adanya larangan tegas memandang remeh bangsa lain, maka perkara itu menunjukkan kewajiban melakukan sesuatu yang menjadi sebaliknya (menghormati).

Rujukan

- Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ḥanbal ibn Hilāl ibn Asad. 1993. *Musnad al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- al-Nawawī, Yahyā ibn Sharaf Abū Zakariyyā. 1996. *Sharḥ al-Nawawī 'Alā Muslim*. Jil. 1. Kaherah: Dār al-Khayr.
- Al-Tabari, I. (2011). *Tafsir al-Tabari*. Jil. 22. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Aly, A. (2017). Studi Deskriptif tentang Nilai-Nilai Multikultural dalam Pendidikan di Pondok Pesantren Modern Islam Assalaam. *Jurnal Ilmiah Pesantren*, 1(1 Januari).
- Anon. 2004. *Ensiklopedia Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanim, N. (2012). *Diskriminasi ke Atas Wanita di Tempat Kerja: Kajian Terhadap Pegawai Kerajaan Negeri di Daerah Kota Bharu, Kelantan* (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- HAMKA. 1966. *Kenang-Kenangan Hidup*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- HAMKA. 1982. *Tafsir Al- Azhar*. Juzuk 1, 4, 6 & 26. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' 'Imād al-Dīn Ismā'īl ibn 'Umar al-Qurshy al-Dimashqy. 2002. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Jil. 6. Beirut: Dār al-Ṭayyibah.
- M. Yunan Yusof.1990. *Corak Pemikiran Kalam Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Miles, R. (2004). *Racism*. New York: Routledge.
- Muslim, Abu al-Ḥusayn ibn al-Ḥajjāj. t.th. *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Jil. 1. Beirut: Dār al-Jīl.
- Noresah Baharom, et. al. 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajuddin Saman. 1993. *Tokoh Ulama' Nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.